

17/02/1997

PBDS sedia laporan dakwaan sogok

KUCHING, Ahad - Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) akan menyediakan satu laporan mengenai dakwaan amalan rasuah di pilihan raya Dewan Undangan Negeri Bukit Begunan, di Bahagian Sri Aman tahun lalu.

Naib Presiden parti itu Dr James Jemut Masing berkata, sebuah jawatankuasa ad-hoc yang diketuai beliau dibentuk dan turut dianggotai oleh peguam-peguam untuk menjalankan siasatan menyeluruh.

"Laporan itu akan dikemukakan kepada mesyuarat majlis tertinggi PBDS minggu depan dan selepas itu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud," kata beliau kepada pemberita di kediamannya hari ini.

Mahkamah Tinggi pada Khamis lalu mengisytiharkan keputusan pilihan raya Dewan Undangan Negeri bagi kawasan Bukit Begunan sebagai batal dan tidak sah.

(END)